

Buletin



# WAWASAN PELADANG

EDARAN AHLI SAHAJA

PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG



MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
KALI KE-51  
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PASFA KALI KE-51  
PADA 28 SEPTEMBER 2024 BERTEMPAT DI GEO RESORT & HOTEL, GENTING HIGHLANDS



## PAMERAN MAHA 2024 @ MAEPS SERDANG



MAJLIS PENYERAHAN  
DIVIDEN LADANG  
USAHA SAMA  
PPRT BUKIT GAYONG  
KEPADA PESERTA  
E-KASIH OLEH  
YAB MENTERI BESAR PAHANG

### Unit Editor

PENAUNG  
*Dato' Hj Zamri Bin Yaakob*

PENASIHAT  
*Shahril Shamsir Bin Amran*

KETUA EDITORIAL  
*Wan Nur Ainna Bt Wan Zakariya*

PEREKA GRAFIK  
*Nor Amyrah Bt Araham Shah*

ARTIKEL *Mohamad Hafizulazhar Bin Mohamad Nor* EDARAN *Nadzirah Syafiqah bt Najadi*

Pertubuhan Peladang Negeri Pahang

B 138-142, Lorong IM 8/33, Jalan Sungai Lembing  
Bandar Indera Mahkota, 25200 Kuantan. Pahang  
Tel : 09 572 4282 / 572 3282 Fax : 09 573 4482  
Email : pasfa.pahang@yahoo.com.my

pasfa.pahang ppnpahang  
 pasfapahang pasfapahang



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli Pertubuhan Peladang Negeri Pahang, pihak pengurusan, serta semua yang terlibat dalam perjalanan PASFA sepanjang tahun ini.

Sebagai Pengerusi dan wakil barisan Ahli Jemaah Pengarah, saya amat berbangga dengan pencapaian yang luar biasa dan usaha bersama yang telah kita capai dalam memperkasa sektor pertanian dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negeri.

Tahun ini, kita terus komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang bertujuan untuk meningkatkan hasil pertanian, memperkukuhkan jaringan pemasaran, serta memberi peluang yang lebih besar kepada ahli peladang untuk berjaya dalam bidang ini. Kita percaya dengan kerjasama yang erat dan semangat juang yang tinggi, kita akan mampu mencapai kejayaan yang lebih gemilang pada masa akan datang.



YH. DATO' HAJI ZAMRI BIN YAAKOB  
PENERUSI JEMAAH PENGARAH  
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Selaku Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA), saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua ahli peladang, serta pihak yang telah memberikan sokongan berterusan kepada kami sepanjang tahun 2024 dalam menyayakan Buletin PASFA.

Tahun ini, PASFA terus komited dalam memperkukuhkan sektor pertanian dan meningkatkan kesejahteraan ahli peladang di negeri Pahang.

Dengan pelbagai inisiatif dan program yang dilaksanakan, Pihak Pengurusan PASFA berusaha untuk memberi impak positif melalui peningkatan kemahiran, penggunaan teknologi, serta pengurusan yang lebih efisien dalam setiap aspek pertanian.

Matlamat PASFA adalah untuk memastikan Pertubuhan Peladang Negeri Pahang terus menjadi tunjang kepada kemajuan ekonomi pertanian dan kesejahteraan masyarakat luar bandar.



SHAHRIL SHAMSIR BIN AMRAN  
PENGURUS BESAR  
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG



# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE-51 PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T persidangan Mesyuarat Agung Tahunan PASFA Kali Ke-51 bagi tahun 2024 telah selesai dilaksanakan dengan jayanya pada 28 September 2024 bertempat di Geo Resort & Hotel Genting Highlands. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YH. Dato' Haji Zamri bin Yaakob, Pengerusi Jemaah Pengarah PASFA.



Terima kasih diucapkan kepada semua barisan Ahli Jemaah Pengarah PASFA, Pengurus Besar PASFA, barisan Perwakilan PASFA, Pengarah LPP Negeri Pahang, Ketua Cawangan Hal Ehwal Pendaftar LPP Pahang, dan seluruh kakitangan pengurusan PASFA yang bertungkus lumus dalam memastikan kejayaan Mesyuarat Agung Tahunan kali ini. Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung.



مجلس فاسميا  
Majlis Perasmian  
MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KALI KE-51  
PERTUBUHAN PELADANG  
NEGERI PAHANG

OLEH:  
YANG BERTHORMAT DATO' SRI I.R. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK  
PENGURUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI ASAS TANI, BIOTEKNOLOGI DAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG



مجلس فاسميا  
Majlis Perasmian  
MESYUARAT AGUNG  
TAHUNAN KALI KE-51  
PERTUBUHAN PELADANG  
NEGERI PAHANG

OLEH:  
YANG BERTHORMAT DATO' SRI I.R. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK  
PENGURUSI JAWATANKUASA PERTANIAN, INDUSTRI ASAS TANI, BIOTEKNOLOGI DAN PENDIDIKAN NEGERI PAHANG

27 SEPTEMBER 2024 (JUMAAT)  
8.00 MALAM

GRAND BALLROOM,  
GEO RESORT & HOTEL

# Majlis Perasmian MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 51 PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

Majlis ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ir. Haji Mohd Soffi bin Tan Sri Abd Razak, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi dan Pendidikan Negeri Pahang.

Turut hadir bersama beliau adalah YB Dato' Mahfuz Bin Haji Omar, Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang, YBrs. Encik Nik Mohd Shaharil bin Nik Md Hashim, Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) LPP yang mewakili Ketua Pengarah LPP Malaysia, Ketua-Ketua Jabatan Negeri & Persekutuan, YH. Dato' Haji Zamri bin Yaakob, Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah PASFA, YBrs. Encik Muhammad Azzrinie bin Shafie, Pengarah LPP Negeri Pahang, Encik Shahril Shamsir bin Amran, Pengurus Besar PASFA.

Majlis yang gemilang ini turut diadakan penyampaian sumbangan dan penyampaian replika cek Sumbangan Tabung Kumpulan Wang Pendidikan daripada NAFAS kepada PASFA sebanyak RM10,456, cek Sumbangan Mesyuarat Agung Tahunan daripada Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd kepada PASFA sebanyak RM5,000 dan juga cek Dividen Akhir Saham Tahun 2023 Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd kepada PASFA sebanyak RM350,000 dan juga setiap 22 buah PPK sebanyak RM20,000. Majlis ini juga menyaksikan penyampaian cek Dividen Interim Tahun 2024 Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd kepada PASFA dan setiap 22 PPK sebanyak RM30,000 dan cek Zakat Perniagaan PASFA kepada Majlis Ugama Pejabat Islam bagi Tahun Kewangan 2022 sebanyak RM100,000.

Akhir kata, pihak Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Jemaah Pengarah PASFA dan pengurusan PASFA yang telah memberi sokongan dan komitmen yang penuh untuk Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Tahun 2024 ini dengan jayanya.





# PAMERAN MAHA 2024



Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan atau singkatannya (MAHA) merupakan acara pameran besar-besaran yang menampilkan pelbagai sektor Pertanian, Makanan, Hortikultur, dan Agropelancongan. Acara ini turut diadakan setiap dua tahun sekali. MAHA pada edisi 2024 ini bertempat di MAEPS, Serdang pada 11- 22 September 2024.

MAHA 2024 adalah antara salah satu acara yang luar biasa dan juga memberi impak besar kepada industri pertanian di negara ini. MAHA dikatakan sebagai salah satu penyumbang kepada pendapatan ekonomi negara dalam pelbagai sektor di Malaysia.

Tidak ketinggalan pada edisi kali ini, PASFA juga mengambil peluang memperkenalkan produk yang tersendiri dengan menjual daging segar jenis baka 'Brahman Cross' yang di proses terus dari Ladang Bukit Gayong PASFA yang bertempat di Laman Tiba 1. Tanaman buah-buahan yang dihasilkan di ladang turut diperkenalkan seperti jus tembikai dan juga jus nanas kepada para pengunjung untuk menikmati sendiri jus sebenar daripada gerai PASFA.

Di samping itu, PASFA juga membuka gerai di Laman Mekanisasi bagi pengunjung yang hadir ke program MAHA edisi 2024. Produk tembikai dan nanas ini juga bukti kepada kegigihan PASFA dalam menjayakan program tersebut kerana akan memberikan tarikan kepada pengunjung negeri mahupun luar. Justeru, Bahagian Pemasaran dilihat komited dalam merealisasikan impian produk PASFA dengan lebih berkembang pesat.

Dengan gabungan pameran produk, aktiviti interaktif, seminar pendidikan, promosi makanan dan agropelancongan. Kemeriahan MAHA 2024 dijangka menjadi satu acara yang tidak hanya memaparkan kekuatan sektor pertanian Malaysia, tetapi juga menggalakkan kerjasama antara pengusaha, petani, dan komuniti global dalam memajukan industri ini.





# Majlis Penyerahan

## DIVIDEN LADANG USAHA SAMA INTEGRASI LEMBU DAN SAWIT PPRT BUKIT GAYONG KEPADA PESERTA E-KASIH PADA 29 MAC 2024

Majlis Penyerahan Dividen Ladang Usaha Sama Integrasi Lembu dan Sawit PPRT Bukit Gayong kepada peserta E-Kasih telah berlangsung dengan penuh bermakna di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang. Majlis berprestij ini telah disempurnakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy Bin Wan Ismail.

PASFA juga menyerahkan replika cek dividen kepada Perbadanan Setiausaha Kerajaan (PSK) sebanyak RM 2,574,280.09. Manakala, penyerahan replika cek bagi jumlah keseluruhan kepada peserta E-Kasih bagi tahun kewangan 2022 seramai 336 orang peserta dengan jumlah sebanyak RM 1,782,816.00. Dalam majlis tersebut, (YAB) Menteri Besar Pahang sendiri telah menyerahkan sumbangan kepada peserta E-Kasih sebanyak RM 5,306.00 setiap seorang.



YAB Menteri Besar merujuk kepada Pertubuhan Peladang Negeri Pahang (PASFA) yang terbukti berjaya mengusahakan tanaman kelapa sawit di negeri ini. Beliau berkata bahawa penyerahan projek kepada agensi seperti PASFA ini berpotensi untuk menjayakan lagi program seperti ini. PASFA juga dilihat begitu gigih dan komited dalam memastikan keberkesanan hasil tanaman secara menyeluruh sebagai salah satu sumber pendapatan ekonomi di Negeri Pahang.

Penyerahan dividen ini adalah simbol kepada kejayaan dan hasil usaha keras PASFA, PSK dan juga KKDW dalam merealisasikan program usahasama yang berdaya maju ini. Diharapkan agar kejayaan ini dapat memberi impak positif kepada kehidupan dan kesejahteraan peserta-peserta dan juga dapat membantu masyarakat sekeliling.

# MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN NEGERI PAHANG TAHUN 2024



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN BENTONG KALIKU-44 TAHUN 2024

Ditasmukan Oleh:  
DR. MOHAMMAD AZIZI BIN MOHD ATAR  
PENGARAH EMBANGKAP PERTUBUHAN PELADANG NEGERI PAHANG

6 MEI 2024 | ISNIN | DEWAN JUBLI PERAK  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH, BENTONG  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 44 PPK BENTONG



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN JERANTUT KE 45 TAHUN 2024

PERASMIAN OLEH:

YB ANWAR HANIS SAHABU BIN HAMZAH  
PENYELARAS DEWATAN NEGERI  
KAWASAN PULAU TAWAR

13 JULAI 2023 | KHAMIS | DEWAN UTAMA  
MAJLIS DAERAH JERANTUT  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 44 PPK JERANTUT



## MESYUARAT Agung Tahunan Ke-49 PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN ROMPIN

20 Mei 2024  
09.00 Pagi

Ditasmukan Oleh:  
YB Ir Razali bin Kassim  
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang  
ADUN Muadzam Shah

20 MEI 2024 | ISNIN | DEWAN JUBLI PERAK,  
SULTAN HAJI AHMAD SHAH, MAJLIS DAERAH ROMPIN  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 49 PPK ROMPIN



## Mesyuarat Agung Tahunan PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN PULAU TAWAR KE-48 TAHUN

Ditasmukan Oleh:  
YB DATO AMZAN BIN MOHD ANWAR  
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang  
ADUN Seremban

Tarikh: 14 Mei 2024  
(Sabtu)

14 MEI 2024 | SELASA | DEWAN SERBAGUNA  
PPK PULAU TAWAR  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 48 PPK PULAU TAWAR



## MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KE-17 PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN CHENOR

Ditasmukan Oleh:  
YB DATO HAJI ZAMRI BIN MOHD YUSOF  
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang  
ADUN Seremban

6 JULAI 2024 | SABTU | DEWAN PPK CHENOR,  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 17 PPK CHENOR



## Mesyuarat Agung Tahunan Kali ke 39 PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN TIOMAN

Ditasmukan oleh:  
YB DATO HAJI ZAMRI BIN MOHD YUSOF  
Pengerusi Lembaga PPK Negeri Pahang (Pengarah PPK)  
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan Negeri Pahang  
ADUN Seremban

18 JULAI 2024 | KHAMIS | DEWAN MESYUARAT PPK TIOMAN  
MESYUARAT AGUNG TAHUNAN KALI KE 39 PPK TIOMAN

# KUNJUNG HORMAT

PASFA KE PERBADANAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PAHANG PADA 24 MEI 2024

Kunjung hormat oleh pihak pengurusan PASFA yang diwakili oleh Pengurus Besar PASFA, Encik Shahril Shamsir bin Amran bersama pengurusan Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang (PSK). Kunjung Hormat ini diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO PSK) bagi membincangkan permohonan tanah baru PASFA dan PPK serta peluang usahasama PASFA dengan PSK pada masa akan datang.

Kunjung hormat ini diadakan bertujuan untuk menunjukkan penghormatan dan mengukuhkan hubungan profesional serta memastikan kelancaran komunikasi antara kedua-dua pihak iaitu PASFA dan PSK. Kunjung hormat ini juga dilakukan bagi membincangkan keberkesanan projek yang akan dijalankan. Pihak PSK juga dilihat yakin dengan kemampuan PASFA dalam mengendalikan projek hasil usahasama antara rakyat Negeri Pahang.



Oleh itu, Pihak PASFA juga berharap agar dapat mengekalkan hubungan ini dan memberikan impak positif terhadap perkembangan serta kerjasama yang erat antara kedua belah pihak. PASFA juga akan menggunakan peluang yang disediakan dengan sebaik mungkin demi membina masa depan Negeri Pahang dengan lebih mampan.

Terima kasih diucapkan kepada pengurusan PSK Pahang atas kerjasama yang diberikan.



Pertanian adalah sektor penting yang menyumbang kepada keperluan asas manusia, seperti makanan dan bahan mentah. Program Demo Pengenalan Dron Agricultural di Ladang Paloh Hinai diadakan bagi memperkenalkan kegunaan teknologi moden dalam perladangan merangkumi kawasan berskala besar.



Di samping itu, penggunaan dron model Agras T50 dilengkapi dengan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang membolehkan dron ini beroperasi secara automatik. Ia boleh merancang laluan penerbangan, mengenal pasti kawasan sasaran, dan mengelakkan halangan dengan keupayaan pemetaan yang tinggi terutama di ladang-ladang PASFA.

## DEMO PENGENALAN DRON AGRICULTURAL DI LADANG PALOH HINAI PASFA



Secara tidak langsung, proses ini akan meningkatkan kualiti dalam pertanian khususnya penanaman kelapa sawit yang giat diusahakan serta memudahkan proses bagi mendapatkan hasil dengan lebih efektif. Penggunaan Dron ini membantu meningkatkan produktiviti dalam pertanian dengan menyediakan penyelesaian yang efisien, cepat, dan tepat untuk penyemburan bahan pertanian.

Secara keseluruhannya, penggunaan dron Agras T50 merupakan teknologi yang mampu merevolusikan cara PASFA menguruskan pertanian secara lebih sistematik seiring dengan teknologi moden pada abad ini.



Dengan meningkatkan kecekapan, ketepatan, dan pengurusan sumber yang lebih baik, dron dapat membantu petani menghadapi cabaran yang semakin kompleks dalam industri pertanian.

Tuntasnya, dengan penerapan teknologi dron ini, sektor pertanian Ladang Paloh Hinai dapat mencapai tahap keberkesanan yang lebih tinggi dan memastikan bekalan makanan mencukupi untuk populasi masyarakat serta menyumbang kepada perkembangan ekonomi negeri mahupun negara.

# LAWATAN AKADEMI DAN LATIHAN AMALI PELAJAR DIPLOMA PENGURUSAN INDUSTRI PERLADANGAN (DPI) KOLEJ YAYASAN PAHANG KE LADANG PPRT BUKIT GAYONG



Lawatan pembelajaran pada 10 Jun 2024 yang diketuai oleh Cik Syafina Fasya binti Saiful Anuar, Ketua Program Diploma Pengurusan Industri Perladangan, Kolej Yayasan Pahang, bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada pelajar mengenai amalan pertanian yang mengaplikasikan sistem integrasi serta menerapkan elemen TVET (Pendidikan Teknikal dan Vokasional).

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk menggalakkan pembelajaran aktif di kampus, di mana pelajar tidak hanya mempelajari teori di bilik kuliah, tetapi juga dapat mengembangkan kemahiran praktikal yang sangat diperlukan dalam dunia pekerjaan pada masa kini.



Secara keseluruhan, PASFA berharap dengan teori yang telah disampaikan dapat menjadi suntikan semangat kepada generasi baharu dalam menjadikan pengurusan ladang ke arah pertanian moden. PASFA juga komited dengan berkongsi ilmu pengetahuan berkenaan revolusi pertanian demi mencapai kemajuan yang maksimum.





Kursus Penyembelihan Korban 2024 Anjuran Kelab PASFA Bersama Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd pada 12 Jun 2024 bertempat di Ladang Kampung Mahkota.

Kursus Penyembelihan Korban 2024 yang dianjurkan oleh Kelab PASFA dengan kerjasama Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd telah berlangsung dengan jayanya. Kursus ini telah disempurnakan oleh Encik Shahril Shamsir bin Amran, Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Pahang turut hadir memberikan

# KURSUS PENYEMBELIHAN QURBAN ANJURAN KELAB REKREASI PASFA



Taklimat dan penerangan mengenai proses penyembelihan korban telah disampaikan dengan penuh teliti oleh YBhg Tn. Haji Adnan bin Mamat, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan Agama Islam Negeri Pahang. Beliau memberikan panduan yang amat berharga mengenai kaedah penyembelihan yang mematuhi piawaian halal serta etika yang perlu diikuti.

Kursus ini bertujuan memastikan bahawa proses penyembelihan dilaksanakan dengan mengikut syariat yang bertepatan dengan ajaran agama islam, selamat, dan beretika, selaras dengan kaedah yang ditetapkan.

Justeru, peserta juga diberi latihan amali mengenai teknik yang betul dalam mengendalikan peralatan penyembelihan, serta aspek kesihatan dan kebersihan dalam pengendalian daging sebelum dan selepas penyembelihan dilakukan oleh para peserta.

Kami mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Kelab PASFA atas kejayaan menganjurkan program ilmiah yang sangat bermanfaat ini, yang pastinya memberi impak positif kepada semua peserta.



Sambutan Hari Raya Aidilfitri PASFA yang berlangsung pada 25 April 2024, bersamaan dengan 16 Syawal 1445, telah mencipta suasana yang penuh kemeriahan dan kegembiraan di Timorra Venue, Kuantan. Kemeriahan Aidilfitri ini tidak hanya sekadar perayaan, tetapi juga menjadi simbol kesyukuran dan kegembiraan yang diraikan oleh seluruh pekerja dan pengurusan PASFA dalam sebuah ikatan kekeluargaan yang semakin erat.

Tidak lupa juga tetamu yang hadir, kakitangan LPP Negeri Pahang, Ahli Jemaah Pengarah PPK, Pembekal PASFA, Pegawai Daerah yang turut sama memeriahkan lagi majlis sambutan Hari Raya ini sekaligus menjadikan program ini berjalan lancar. Seluruh Ahli Jemaah Pengarah dan pengurusan PASFA ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua jemputan yang hadir, memeriahkan suasana Aidilfitri ini dengan penuh kesyukuran, keikhlasan, dan semangat persaudaraan. Kehadiran setiap individu menjadikan sambutan raya tahun ini lebih bermakna dan istimewa.

Pelbagai juadah istimewa turut dihidangkan kepada para tetamu yang hadir yang sudah pasti memberikan kemeriahan dalam merayakan hari yang penuh bermakna ini. Semoga ikatan ukhwah yang terjalin terus kukuh, dan semoga kita semua terus diberkati dengan saling bermaafan dalam keberkatan Syawal yang suci ini.

**SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI MAAF ZAHIR DAN BATIN**



# PROGRAM BANTUAN BANJIR PASFA PEDULI KELAB REKREASI PASFA

Sekitar Majlis Penyampaian Bantuan PASFA PEDULI, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang kepada ahli PPK Raub, PPK Kuala Lipis, dan PPK Pelangai, yang telah dijayakan di Pertubuhan Peladang Kawasan Raub dan Pertubuhan Peladang Kawasan Pelangai.

Bantuan ini diberikan khusus kepada ahli PPK yang ditimpa bencana banjir dan merupakan salah satu daripada tanggungjawab sosial korporat Kelab Rekreasi PASFA di bawah program PASFA Peduli.

Majlis penyampaian bantuan telah disampaikan oleh Encik Shahril Shamsir bin Amran, Pengurus Besar PASFA kepada ahli PPK Raub melalui YH. Dato' Indera Haji Mustaffar Kamal bin Haji Abd Hamid, Pengerusi PPK Raub. Manakala penyampaian di PPK Pelangai diterima oleh Encik Mohd Rodzlan bin Mat Baki, Pengerusi PPK Pelangai.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Encik Mohd Animin bin Ramli, Pengerusi Kelab Rekreasi PASFA, Encik Abd Halim bin Ismail, Timbalan Pengerusi Kelab PASFA, dan Ahli Jawatankuasa Kelab PASFA.

Semoga dengan bantuan yang dihulurkan dapat meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang dilanda musibah. Semoga ikatan ukhuwah antara PASFA dan PPK sentiasa dirahmati dan diberkati oleh-Nya.

**PRTUBUHAN PELADANG KAWASAN RAUB**  
KOMPLEKS IADP, KM5, JALAN LIPIS, 27600 RAUB, PAHANG.  
TEL: 09-3551407 EMEL: pertubuhankawasanraub@gmail.com



**PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN RAUB**  
KOMPLEKS IADP, KM5, JALAN LIPIS, 27600 RAUB, PAHANG.  
TEL: 09-3551407 EMEL: pertubuhankawasanraub@gmail.com





# Kejohanan BOLLING

## KELAB REKREASI PASFA



Pada 29 November 2024, Kejohanan Boming yang dianjurkan oleh Kelab PASFA telah dirasmikan oleh wakil Ahli Jemaah Pengarah, Y.Bhg. Datuk Haji Abdul Manaf bin Haji Sulong disaksikan oleh Encik Shahril Shamsir bin Amran, Penaung Kelab PASFA dan Encik Animin bin Ramli selaku Pengerusi Kelab Sukan & Rekreasi PASFA. Acara ini telah berlangsung dengan penuh semangat dan sokongan daripada ahli kelab serta peserta yang hadir. Kejohanan ini bertujuan untuk memupuk semangat kesukanan, mengeratkan hubungan antara ahli, dan memberi peluang kepada para peserta untuk menunjukkan bakat mereka dalam sukan boming.

Encik Animin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam menjayakan kejohanan ini dan berharap aktiviti seperti ini dapat diteruskan pada masa hadapan untuk meningkatkan kece-merlangan sukan dalam kalangan ahli PASFA. Dengan ini, kejohanan diharapkan menjadi platform untuk menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat.

Kejohanan Boming ini telah menyaksikan persaingan sengit dan semangat kesukanan yang tinggi di kalangan peserta. Kelab PASFA berharap acara ini akan terus menjadi acara tahunan yang dinanti-nantikan oleh semua ahli.





# KONVENSYEN PELADANG MUDA NEGERI PAHANG | 3 DISEMBER 2024

Jutaan terima kasih atas Sumbangan RM200,000.00 dan sokongan YAB Dato' Sri Diraja Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail Menteri Besar Pahang, YB. Dato' Amizar bin Abu Adam. EXCO Hal Ehwal FELDA, Koperasi Dan Usahawan Negeri Pahang, YH. Dato' Haji Zamri bin Yaakob, Pengerusi PASFA. Terimakasih juga atas kerjasama yang sempurna oleh Yang Berusaha Encik Muhamad Azzrinie Bin Shafie, Pengarah LPP Negeri Pahang, Encik Shahril Shamsir bin Amran, Pengurus Besar PASFA serta seluruh warga LPP Negeri Pahang. Tahniah diucapkan kepada Jawatankuasa Peladang Muda Negeri Pahang PASFA Encik Fuad bin Abas yang telah menerima Anugerah Peladang Muda Jaya kategori Ternakan 2024 sempena Konvensyen Peladang Muda Negeri Pahang 2024.

Tidak lupa juga Encik Ayatollah Al-Hafiz bin Mohd Taha, Ketua Peladang Muda dan Ahli-ahli Jawatankuasa Peladang Muda Negeri Pahang, Ketua-ketua Peladang Muda PPK dalam Negeri Pahang dan seluruh ahli Peladang Muda Negeri Pahang.



Kejohanan Boling sempena Konvensyen Peladang bersama-sama ahli juga diadakan yang bertempat di Mega Lanes Megamall, Kuantan. Tahniah diucapkan kepada semua peserta yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam Kejohanan Boling Peladang Muda Pahang 2024. Diharapkan juga agar kejohanan dan konvensyen dapat memberikan manfaat yang membawa kepada kejayaan secara berterusan.



## MAJLIS MERIAHKAN ANAK YATIM PERMATA INSYIRAH DAN JAMUAN BERBUKA PUASA *Peladang Nita*

Peladang Nita telah mengadakan majlis meriahkan anak yatim dan jamuan berbuka puasa bagi meraikan anak-anak yatim dari Permata Insyirah pada 24 April 2024. Majlis meriahkan anak yatim ini diadakan di Kosma, Pahang dan disertai oleh ahli-ahli Peladang Nita. Bacaan doa ini dipimpin oleh Ustaz Mohd Fadhilah bin Abdul Manaf, Pengerusi PPK Kuantan.

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Pengerusi AJP PASFA, YH. Dato' Hj Zamri bin Yaakob, dan Pengerusi Peladang Nita, YH Dato' Hajah Nazilah binti Abd Latif yang bersama memberikan sokongan penuh kepada program ini. Kehadiran anak-anak yatim ini sedikit sebanyak menambahkan lagi kemeriahan majlis yang penuh dengan rasa kesyukuran atas nikmat yang diberikan kepada setiap individu.

Majlis ini juga bertujuan untuk memberikan kebahagiaan kepada anak-anak yatim serta memperkukuhkan hubungan yang erat antara ahli dan masyarakat setempat. Dengan suasana yang penuh keinsafan pada bulan yang mulia, acara ini memberi peluang kepada semua yang hadir untuk merasai nikmat berbuka puasa bersama. Pepatah Melayu mengatakan bahawa "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing".





## KURSUS PROTOKOL ETIKET SOSIAL DAN PENGURUSAN MAJLIS ANJURAN PELADANGNITA PAHANG

Peladang Nita Negeri Pahang telah menganjurkan Kursus Protokol Etiket & Pengurusan Majlis yang diadakan di Kolej Komuniti Mara pada 28 Ogos 2024. Kursus ini bertujuan untuk memberikan pendedahan dan pengetahuan mendalam tentang kepentingan etika dan sosial dalam pengurusan, khususnya dalam kalangan ahli-ahli Peladang Nita.

Pelbagai topik disentuh oleh penceramah berkaitan etika kerja, tanggungjawab sosial, dan pengurusan yang baik dibincangkan dalam kursus ini. Program ini diharap dapat meningkatkan profesionalisme dan kesedaran tentang nilai-nilai murni dalam setiap aspek kehidupan dan pekerjaan. Kursus ini juga bertujuan untuk memperkukuhkan kemahiran pengurusan dalam kalangan peserta terutama bagi ahli peladang nita demi mencapai kejayaan dalam bidang yang diceburi.



## MAJLIS PERDANA AKHIR TAHUN 2024 BACAAN YASIN, TAHLIL DAN SELAWAT

Peladang Nita Pahang telah mengadakan Majlis Perdana Akhir Tahun pada 13 Disember 2024 yang melibatkan latihan kerohanian berupa bacaan Yassin, tahlil, dan selawat. Majlis ini diadakan sebagai satu acara khas untuk mengakhiri tahun dengan suasana yang penuh ketenangan dan keberkatan daripada Yang Maha Esa.

Program Perdana Akhir Tahun ini disertai oleh ahli-ahli Peladang Nita, bertujuan untuk memperkukuhkan ikatan ukhwa dan meningkatkan amalan kerohanian dalam kalangan peserta. Bacaan Yassin, tahlil, dan selawat diadakan bagi mendoakan kesejahteraan, kedamaian, dan keberkatan bagi semua. Program ini juga diadakan bagi memohon keberkatan kepada Yang Maha Esa terhadap usaha dan kerja yang telah dijalankan sepanjang tahun.

# PESB PENERAJU WARISAN BANGSA

INOVASI MENGCAPAI IMPIAN AHLI PELADANG



## PENYAMPAIAN ZAKAT PERNIAGAAN PESB

Penyampaian replika cek bagi bayaran zakat perniagaan anak syarikat iaitu Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd, Pertubuhan Peladang Negeri Pahang bagi tahun 2022 berjumlah RM 187,392.43 yang disampaikan oleh YH. Dato' Haji Zamri Bin Yaakob, Pengerusi PESB kepada wakil pegawai Zakat Majlis Ugama Islam Pahang cawangan Indera Mahkota, Kuantan pada 15 Januari 2024 yang lalu. Penyampaian zakat perniagaan ini adalah bertujuan bagi menunaikan tanggungjawab kepada agama serta menyumbang kepada pembangunan Islam di Negeri Pahang.



## LAWATAN KERJA ALP PESB KE LADANG PESB DI MUADZAM SHAH

#PESB TERUS MAJU

Lawatan Kerja Ahli Lembaga Pengarah Peladang Eksklusif (M) Sdn Bhd ke Ladang PESB di Muadzam Shah telah diadakan pada 16 Mei 2024. Pada lawatan kerja yang diadakan ke Ladang PESB di Muadzam Shah bersama seluruh Ahli Lembaga Pengarah PESB dan Pengurus Besar PESB, telah membuat tinjauan keadaan terkini ladang selepas menghadapi cuaca kering dan panas sepanjang bulan Ramadan. Semoga segala perancangan dan inisiatif yang telah dibincangkan dapat dilaksanakan dengan cemerlang dan membawa kejayaan yang gemilang terutama di PESB.



## MAJLIS APRESIASI SANJUNGAN BUDI PENGURUS BAHAGIAN AKAUN DAN KEWANGAN

Sekitar Majlis Apresiasi Sanjungan Budi pertukaran Puan Anis Amilah binti Che Suhaimi yang bertukar ke LPP Negeri Kelantan dilangsungkan pada 29 Februari 2024. Selamat bertukar diucapkan kepada Puan Anis Amilah binti Che Suhaimi, Pengurus Bahagian Akaun PASFA. Walaupun kita akan berpisah, kenangan indah yang tercipta bersama akan sentiasa dikenang. Semoga beliau dikurniakan kesejahteraan dan kebahagiaan di tempat baharu kelak.

## MAJLIS APRESIASI SEMPENA PERSARAAN PUAN ROSLINA BINTI YUSOFF



Majlis apresiasi ini diadakan pada 12 Disember 2024 untuk memberi penghormatan kepada Puan Roslina atas segala usaha dan perkhidmatan cemerlang yang telah beliau curahkan sepanjang 26 tahun kerja beliau berkhidmat di PASFA.

Di samping itu, hubungan silaturahim antara rakan-rakan sekerja dan pihak pengurusan serta sebagai peluang untuk memberi penghargaan secara rasmi. Majlis apresiasi ini diisi dengan ucapan terima kasih, penghargaan, dan perkongsian kisah beliau sepanjang perkhidmatan beliau. Majlis yang penuh makna ini diraikan juga dengan pencapaian Pn. Roslina selaku Eksekutif Hal Ehwal Korporat.



*Selamat Datang*

KEPADA

**ENCIK RIZALNISAM BIN MOHD SUMBUTI**

DITEMPATKAN DI PASFA SEBAGAI

**PENGURUS BAHAGIAN AKAUN & KEWANGAN**

BERKUATKUASA PADA

**1 MAC 2024**



Selamat datang diucapkan kepada Pengurus Bahagian Akaun & Kewangan, Encik Rizalnisam bin Mohd Sumbuti, yang akan memulakan tugasnya pada 1 Mac 2024. Semoga beliau diberikan kejayaan dan kelancaran dalam menjalankan tugas serta memberi sumbangan yang besar kepada PASFA. Kami yakin dengan pengalaman dan kepakaran yang dimiliki, Encik Rizalnisam akan membantu PASFA melakar kejayaan yang lebih gemilang demi masa depan.

# LANTIKAN BAHARU ANGGOTA PASFA 2024

BIL	NAMA KAKITANGAN	TARIKH LANTIKAN	JAWATAN DAN GRED	PENEMPATAN
1.	MOHAMAD HAFIZULAZHAR BIN MOHAMAD NOR	1 MAC 2024	N25 PEMBANTU AM (SAMBILAN)	IBU PEJABAT PASFA (HEK & PENTADBIRAN)
2.	NORLAILA BINTI ARIFFIN	1 MAC 2024	N25 TEALADY (SAMBILAN)	IBU PEJABAT PASFA
3.	ABDUL MALEK BIN KHASIM	1 FEB 2024	H11 (K1) PEMANDU	IBU PEJABAT PASFA

## *Mutiara Kata*

“KEKUATAN TIDAK MESTI DIHADAPKAN DENGAN KEKUATAN. MESTI ADA SATU YANG LEBIH KUAT. BERANI TIDAK MESTI KORBAN MEMBUTA. BERUNDUR TIDAK MESTI KALAH.”